

Newspaper	Berita Harian
Date	8 December 2015

'Muhyiddin mesti setia kepada parti'

» Dr Mahathir pula marah kerana Najib enggan ikut kehendak

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Putrajaya

Menjelang Perhimpunan Agung UMNO 2015 hari ini, Datuk Seri Najib Razak membalas kritikan yang dilemparkan kepadanya oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dalam temu bual dengan kumpulan Media Prima Berhad dan Utusan Melayu Berhad semalam, Presiden UMNO itu menjelaskan kemarahan sebenar Dr Mahathir bukan membabitkan isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB), sebaliknya kerana beliau enggan

mengikut kehendaknya.

Perdana Menteri juga menegaskan Timbalan Presiden UMNO mesti mempunyai sifat kesetiaan dan keikhlasan kepada parti.

Jawab pelbagai isu

Dalam temu bual hampir sejam itu, Najib turut menjawab isu 1MDB, derma RM2.6 bilion, Perhimpunan Agung UMNO, ekonomi negara dan isu kehidupan rakyat.

Temu bual khas sempena perhimpunan agung parti itu membabitkan Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid; Pengarang Urusan Kumpulan, Berita dan Hal Ehwal Semasa, Rangkaian Televisyen Media Prima Bhd, Datuk Seri Mohd Ashraf Abdullah dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak di pejabatnya di sini.

Najib berkata, secara mudahnya, Dr Mahathir mahu beliau mengikut sahaja cakupannya dan jika berbuat demikian, beliau (Najib) mungkin adalah Perdana Menteri yang amat baik.

"Apatah lagi bila dicadangkan diwujudkan Council of

Elders (Majlis Penasihat) yang tak pernah dalam sejarah negara kita dan mana-mana negara pun ada majlis yang mengatasi kuasa Kabinet dan majlis tertinggi, malah tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan sama sekali.

"Sebab itulah bukan saya tidak hormat dia sebagai seorang negarawan, tapi saya berpegang pada prinsip bahawa saya adalah Perdana Menteri yang sah dipilih oleh rakyat dan saya juga Presiden

**"
Saya juga Presiden yang dipilih oleh parti dan saya berhak mentadbir negara dan parti mengikut pendapat saya yang terbaik mungkin untuk negara dan parti,"**

Najib Razak,
Perdana Menteri

yang dipilih oleh parti dan saya berhak mentadbir negara dan parti mengikut pendapat saya yang terbaik mungkin untuk negara dan parti," katanya.

Selari konsep perjuangan

Mengenai Muhyiddin, Najib berkata, seperti Presiden dan Perdana Menteri sebelumnya, beliau berpegang kepada prinsip bahawa Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri mesti selari dengan Perdana Menteri dan presiden parti.

Katanya, untuk bekerjasama, Muhyiddin mestilah selari dengan apa yang mahu dilakukan dan keputusan serta kerjasama dibuat dengan penuh keikhlasan serta kesetiaan dalam mengemudi parti.

Mengenai 1MDB, beliau menjelaskan masalah syarikat pelaburan strategik negara itu kerana ia sudah dipolitikkan dan bukannya kerana tidak mempunyai aset.

"Ya, ada hutang, tetapi asetnya melebihi hutang dan kita ada pelan rasionalisasi. Keadaan ini mungkin tidak akan berlaku kalau tawaran awam permulaan (IPO) pada November tahun lalu dapat kita lancarkan," katanya.

Berhubung isu derma RM2.6 bilion, Najib berkata, beliau tidak melakukan kesalahan dari segi undang-undang atau amalan.

"Perkara ini sudah pun dijelaskan di Parlimen oleh Timbalan Perdana Menteri," kata beliau.

BH-8/12/2015